

02 MAY 1997

MB-Sultan

ANWAR SERAH NAMA MB BARU SELANGOR PADA SULTAN

SHAH ALAM, 2 Mei (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim pagi ini menghadap Sultan Selangor di Istana Green Lodge di sini dan menyerahkan sepucuk surat yang mengandungi nama Menteri Besar Selangor yang baru.

Sultan Selangor memberitahu pemberita selepas pertemuan itu bahawa baginda berkenan dengan nama yang terkandung dalam surat itu yang ditandatangani oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Baginda bagaimanapun enggan menyatakan nama bakal Menteri Besar itu yang akan menggantikan Tan Sri Muhammad Haji Muhammad Taib yang meletakkan jawatan pada 14 April lepas.

"Saya berkenan dengan nama dalam surat itu dan isu mengenai pelantikan Menteri Besar kini sudah selesai," kata Sultan.

Pertemuan Sultan dengan Anwar berlangsung 40 minit.

Anwar dijadualkan mengadakan persidangan berita di pejabatnya di Jabatan Perdana Menteri tengah hari ini.

Sultan pada pertemuan dengan pemberita berkata baginda mahu Menteri Besar yang baru itu berkhidmat dengan jujur, bersih serta mengutamakan kepentingan rakyat dan bukan kepentingan peribadi.

"Tetapi yang penting sekali bagi Menteri Besar ialah jangan berbohong," kata baginda.

"Saya lega isu ini sudah selesai", katanya.

Muhammad yang menjadi Menteri Besar pada 1986, meletakkan jawatan ekoran menghadapi dua tuduhan di Australia kerana didakwa gagal mengisytiharkan wang tunai yang nilainya bersamaan RM2.4 juta yang dibawanya semasa hendak meninggalkan negara itu di Lapangan Terbang Brisbane pada 22 Dis tahun lepas.

Perbicaraan kes itu ditetapkan selama tiga hari di Mahkamah Majistret Brisbane bermula 19 Ogos.

Dr Mahathir, yang kini melawat Malawi di Afrika, menghadap Sultan Selangor di Istana Selangor di Kuala Lumpur pada 21 April berhubung pelantikan itu.

Bagaimanapun beliau berkata ketika itu bahawa beliau perlu lebih masa untuk membuat keputusan tentang calon yang sesuai untuk diperkenan oleh Sultan.

Sultan pada hari yang sama memberitahu pemberita yang baginda mahu bakal Menteri Besar itu mestilah seorang yang betul-betul bersih dan ini memerlukan masa untuk melakukan penapisan. -- BERNAMA

ZAB AU NMO